

**Titah Ucapan Tuanku Syed Faizuddin Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Tuanku Canselor KUKUM bersempena dengan Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM pada 20 Februari 2005 bertempat di Maktab Perguruan Perlis, Kangar, Perlis Indera Kayangan.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Mengasihi

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Awal Bismillah pembuka bicara, sembah dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan kaum kerabat Baginda serta kepada para sahabat dan anbiya. Sesungguhnya rahmat Allah ke atas negeri ini begitu besar nikmatNya dalam memakmur, mensejahtera dan mengharmonikan kita semua dengan dikurniakan kesihatan tubuh badan dan mental yang sihat.

Tanpa rezeki Yang Maha Kaya adalah mustahil buat kita semua dipertemukan di dalam majlis seumpama ini. Maka dengan itu marilah kita semua sama-sama memanjatkan kesyukuran di atas pemberian nikmat ini walaupun ia bersifat sementara sahaja. Jangan lah kita menjadi hambaNya yang riak, takbur dan sompong kerana malapetaka taufan besar Tsunami telah menjadi bukti yang nyata buat renungan kita bersama.

Terlebih dahulu, Beta ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dan seluruh warga KUKUM kerana telah sudi menjemput Beta dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis ke Majlis Persmian Penutup, Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM 2005 yang buat julung-julung kalinya diadakan ini.

Tidak ada yang menggembirakan buat seorang Canselor apabila melihat kejayaan universiti yang menjadi naungannya seperti KUKUM ini mampu menganjurkan kejohanan olahraga sebesar ini walaupun masih baru ditubuhkan. Dari lubuk hati yang penuh tawaduk dan ikhlas, Beta amat berbangga dengan kerja keras, dedikasi,

komitmen serta semangat kerja berkumpulan yang bertunjangkan kepada misi dan visi universiti dalam menjadikan kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan mana-mana universiti yang terlebih dahulu mengatur langkah.

Beta mahu melihat rentetan kejayaan demi kejayaan terus-menerus ditempa seiring dengan usia KUKUM yang semakin meningkat. Universiti yang dianggap sebagai gelanggang permurnian ilmu, tidak harus memfokuskan hanya kepada kejayaan di dalam bidang akademik semata-mata. Penganjuran kejohanan olahraga sebegini juga secara tidak langsung mampu melahirkan jagoan yang jika diberikan perhatian sewajarnya mampu mengharumkan nama universiti.

Keseimbangan antara bidang akademik dan sukan amat perlu diberikan perhatian. Beta tidak mahu KUKUM hanya sekadar melahirkan graduan yang cemerlang hanya di dalam bidang akademik semata-mata tetapi gagal sebaliknya. Mereka-mereka ini juga harus cemerlang dan gemilang di dalam bidang sukan supaya graduan yang dilahirkan kelak mempunyai nilai tambah unik yang sukar dihasilkan oleh IPTA dan IPTS yang lain. Andai KUKUM berjaya melahirkan graduan seperti mana yang Beta sebutkan tadi, maka inilah yang dikatakan cemerlang, gemilang dan terbilang.

Hasil dari pengamatan dan pengalaman Beta, peratus graduan yang aktif di dalam bidang sukan amat sedikit jumlahnya. Beta tidak mahu melihat graduan KUKUM hanya menjadi ulat buku semata-mata tetapi pasif di dalam bidang sukan. Beta amat percaya biarpun apa juga cabang sukan yang diceburi, hatta sukan yang kurang popular jika diberi tumpuan sepenuhnya, anda semua pasti boleh berjaya dengan syarat berpegang kepada disiplin, latihan, keikhlasan dan kesungguhan.

Kejayaan Negeri Perlis merangkul kejuaraan Piala Malaysia pada tahun lepas telah membuktikan betapa negeri sekecil kita ini yang sering diperlekeh-lekehkan oleh pasukan lawan telah berjaya dalam mengharungi onak dan ranjau untuk bergelar yang terbaik. Begitu lah seumpamanya bagi sebuah universiti seperti KUKUM ini yang masih baru tetapi telah mencatatkan kejayaan merangkul kejuaraan Piala Liga Bumita pada tahun lepas. Syabas dan tahniah Beta ucapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Beta sangat berharap KUKUM tidak mengabaikan pembangunan sukan baik di kalangan mahasiswa-mahasiswi mahupun warga kerjanya. Pembangunan sukan adalah salah satu dari agenda Beta dalam menjadikan negeri ini terus cemerlang selain perhatian khusus dalam sektor pelancongan, pendidikan dan ekonomi.

Sekali bah, sekali pantai berubah. Jika dahulu bidang sukan hanya dianggap sebagai tempelan atau hobi tetapi kini ia telah menjadi antara kerjaya yang memberikan jumlah pendapatan yang cukup lumayan. Justeru itu, apabila graduan atau warga kerja KUKUM prolifik di dalam bidang akademik mahupun kerjaya, mereka adalah insan yang cukup istimewa.

Ini adalah kerana dalam masa yang sama juga mereka mempunyai bakat di dalam bidang sukan. Hasilnya, mereka mempunyai peluang, kelebihan dan keistimewaan tersendiri berbanding dengan individu yang lain. Inilah yang dikatakan sebagai strategi serampang dua mata. Mengait atau terkait, kedua-duanya membawa hasil.

Maka renung-renung dan timbang-timbangkan lah apa jua saranan Beta tadi. Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan pada petang yang cukup indah ini, Beta sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada KUKUM kerana telah sudi memanjangkan jemputan kepada Beta berdua ke majlis ini. Beta juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para warga KUKUM yang telah muncul sebagai johan di dalam kejohanan olahraga edisi sulung ini.

Dengan ucapan Bismillah Hirrahman Nirrahim, maka Beta dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM 2005.

Beta sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Hiwabarakatuh.